

Corak pentadbiran Dr. M menjadi idaman rakyat

TEMERLOH, Ahad — Corak pentadbiran di bawah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad telah dapat memenuhi aspirasi sebahagian besar rakyat negeri ini.

Menteri Besar, Haji Abdul Rahim Abu Bakar menyatakan, pemikiran Datuk Seri Dr. Mahathir dan cara tindak tanduk pentadbiran selaras dengan cita-cita dan hasrat rakyat.

Pemimpin yang cekap, licin dan bersih, katanya, memang menjadi idaman rakyat setiap lapsian.

Berucap di majlis Hariraya anjuran Gerakan Bella 4B daerah Temerloh hari ini, Haji Abdul Rahim yakin, pentadbiran baru di bawah Datuk Seri Dr. Mahathir dapat memberi lebih banyak faedah kepada rakyat.

Mengenai kempen pendaftaran pemilih baru yang sedang dijalankan, Menteri Besar menyatakan kesal sambutan dingin dari kalangan orang Melayu.

Katanya, mereka yang sayangkan sistem demokrasi hendaklah menyambut baik kempen yang sedang dilancarkan.

Mendaftar sebagai pengundi hendaklah menjadi tanggungjawab mereka yang sayangkan sistem demokrasi, tegas beliau.

Menyambut

Haji Abdul Rahim menyatakan, perjalanan demokrasi akan lebih lancar dan berkesan dengan adanya suara menjoriti lalu beliau mengesyorkan badan-badan sukarela termasuk badan bella memainkan peranan masing-masing menjayakan kempen pendaftaran sedang berjalan sekarang.

Penglibatan badan-badan bella, katanya penting kerana sebahagian besar pengundi baru terdiri dari kaum bella.

Mengenai kegiatan bella, Menteri Besar mengesyorkan para bella mengamalkan sikap suka meneroka dan tidak kenal jemu menimba pelajaran.

Konsep kemajuan katanya, bererti mereka mestilah sentiasa ingin berlumba-lumba mengejar kemajuan dan pelajaran kerana seorang itu mahu belajar, dia akan terus berkembang.